

Syabas BBB: Mahathir

BH 17 MAY 1994

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan tahniah kepada Barisan Bertindak Bosnia (BBB) yang dianggotai pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kerana kejayaannya menganjurkan rapat umum 'Selamatkan Bosnia' di sini minggu lalu.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berharap NGO dan ahli Parlimen negara lain mencontohi BBB dalam menyuarakan bantahan terhadap kerajaan masing-masing mengenai kekejaman pengganas Serb ke atas rakyat Bosnia-Herzegovina.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kerana rapat

raksasa mengenai masalah Bosnia mencapai kejayaan.

"Saya juga ingin mencadangkan supaya usaha dibuat untuk menarik pelbagai NGO dan ahli Parlimen negara lain supaya melaksanakan tindakan yang sama," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

Minggu lalu, kira-kira 35,000 rakyat pelbagai lapisan masyarakat menyertai rapat umum anjuran BBB di Stadium Merdeka. Perhimpunan itu berjaya mengutip lebih RM50,000 bagi mengisi Tabung Rakyat Bosnia.

Perdana Menteri bagaimanapun melahirkan rasa dukacita berikutan pembunuhan

beramai-ramai di Rwanda, Afrika dan mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bertindak segera.

"Umno menyatakan rasa dukacita berikutan peristiwa pembunuhan beramai-ramai itu dan menyokong sebarang tindakan supaya kekejaman itu dihentikan secepat mungkin.

"Umno mahu PBB bertindak tegas bagi menyelamatkan lebih banyak penduduk Rwanda yang tidak bersalah daripada terus menjadi mangsa kekejaman," katanya.

Lebih 250,000 penduduk Rwanda terbunuh dalam pertempuran dua kaum yang bertelagah di negara itu.

Di ALOR STAR, Dr Ma-

hathir berkata, Pertubuhan Negara Islam (OIC), tidak perlu menunggu Perancis mengundurkan pasukan pengamannya untuk menghantar tentera ke Bosnia-Herzegovina.

Bercakap kepada pemberita setibanya di sini untuk melancarkan sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan, beliau berkata OIC perlu segera membantu rakyat Bosnia.

"Kita hanya membantu setakat kemampuan kita. Bagi Malaysia kita tidak perlu tunggu. Jika tunggu pasukan Perancis berundur, lebih ramai rakyat Bosnia akan mati," katanya.

Perdana Menteri bagaima-

LIHAT MUKA 2

Syabas kepada BBB

DARI MUKA 1

napun menyifatkan kesediaan OIC menghantar tentera pengaman ke negara itu sebagai sangat baik.

Mengenai cadangan gencatan senjata oleh Barat untuk menamatkan konflik Bosnia, Dr Mahathir berkata jika boleh dilaksanakan, ia tidak harusnya membatikan pengorbanan Bosnia.

"Janganlah menyerahkan wilayah orang kepada pihak lain hanya kerana untuk melaksanakan gencatan senjata.

"Dulu pernah tanah Palestin diambil dan diserahkan kepada Israel. Kali ini di Bosnia pula," katanya.